

19 JAN 1999

Aidilfitri (rangkuman)

UMAT ISLAM MENYAMBUT AIDILFITRI DENGAN PENUH KEGEMBIRAAN

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara menyambut Hari Raya dengan penuh kegembiraan walaupun terpaksa berhati-hati dalam perbelanjaan berbanding tahun-tahun sebelumnya memandangkan kegawatan ekonomi sekarang ini.

Kesederhanaan diutamakan di sepanjang bulan Ramadhan dan 1 Syawal disambut dengan pakaian baru dan tradisi rumah terbuka.

Kebanyakan mereka telah pulang ke kampung halaman masing-masing untuk merayakan Aidilfitri bersama sanak saudara dan pada hari yang mulia ini mereka sudah pasti saling memohon ampun maaf dan merapatkan lagi tali silaturahmi.

Sejak awal pagi lagi, umat Islam berpusu-pusu ke masjid terdekat untuk menunaikan solat Aidilfitri.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat jelata.

Turut menunaikan solat Aidilfitri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa orang menteri Kabinet and duta besar asing.

Sementara itu di KUALA KANGSAR, Sultan Perak Sultan Azlan Shah menunaikan sembahyang Hari Raya di Masjid Ubudiah di Bukit Chandan di sini bersama-sama lebih 2,000 rakyat.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib dan para pembesar negeri.

Sejurus selepas menunaikan sembahyang, tetamu-tetamu kehormat negeri turut diraikan dalam majlis khas yang diadakan oleh Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah.

Menteri Besar turut mengadakan rumah terbuka hari ini dan Sultan Azlan Shah serta kerabat diraja dijangka turut memeriahkan majlis itu petang ini.

Di JOHOR BAHRU, Sultan Johor serta kaum kerabat diraja yang lain bersama kira-kira 2,000 jemaah menunaikan sembahyang Aidilfitri di Masjid Sultan Abu Bakar.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan beberapa anggota Exco Kerajaan Negeri ialah antara pembesar negeri yang turut bersembahyang di situ.

Abdul Ghani kemudian mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya, Saujana, di Jalan Abdul Rahman Andak di sini sehingga pukul 1 tengah hari.

Di ARAU, Raja dan Raja Perempuan Perlis berangkat menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri bersama rakyat jelata di Masjid Negeri di sini.

Turut mengiringi baginda berdua ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Alim Panglima Haji Mat Jaya Hussin.

Raja dan Raja Perempuan kemudiannya berkenan menerima mengadap para pembesar dan rakyat jelata di istana terbuka di Istana Arau mulai 9.30 pagi hingga 11 pagi.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu Tengku Mizan Zainal Abidin Mahmud hari ini berangkat menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Almutafibillah Shah di sini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan pembesar-pembesar negeri turut serta menunaikan sembahyang sunat itu bersama 2,000 umat Islam yang lain di masjid itu.

Sultan juga mengadakan istana terbuka di Istana Maziah di sini bagi merapatkan hubungan baginda dengan rakyat. Permaisuri Nur Zahirah turut berangkat ke majlis itu.

Wan Mokhtar pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Seri Iman mulai selepas sembahyang Hari Raya hingga pukul 4 petang.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Ahmad Zaidi Aduce Muhammed Noor dan isteri Toh Puan Rosmiati menyertai 5,000 muslimin untuk solat Aidilfitri di Masjid Jamek Negeri di Petra Jaya di sini.

Turut serta ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Laila Taib dan juga menteri-menteri Kabinet persekutuan dan negeri yang beragama Islam.

Ahmad Zaidi kemudian mengadakan rumah terbuka untuk orang-orang kenamaan serta ketua-ketua jabatan di Istana di Petrajaya sementara Abdul Taib menerima kunjungan tetamu di kediamannya di Demak Jaya.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Haji Sakaran Dandai menyertai lebih 5,000 umat Islam di sekitar ibu negeri bagi menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negeri di sini.

Beliau bersama isteri Toh Puan Hajah Siti Rukaiyah Panglima Abdullah kemudian mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri di sini yang bermula dengan orang kenamaan pada pukul 10 pagi dan diikuti orang awam mulai pukul 11.30 pagi hingga 2 petang.

Pemimpin kerajaan yang lain turut mengadakan rumah terbuka di kawasan masing-masing selain rumah terbuka yang turut diadakan oleh tokoh korporat dan pegawai tinggi kerajaan.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Muhammadi di sini bersama 5,000 rakyat.

Turut sama Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid dan pegawai kanan kerajaan dan kemudian baginda berkenan menemui rakyat di majlis istana terbuka di Istana Balai Besar di sini mulai 9.15 hingga 10 pagi.

Manakala Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengadakan sembahyang sunat Aidilfitri di masjid Pulau Melaka dengan dihadiri oleh 3,000 penduduk tempatan dan selepas itu Nik Aziz mengadakan rumah terbuka di kediamannya.

Di SERI MENANTI, Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar hari ini berkenan menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri bersama 1,000 rakyat baginda di masjid Tuanku Munawir di sini.

Selepas sembahyang baginda menziarahi makam di raja bersebelahan masjid dan mengadakan majlis tahlil.

Kemudian baginda dengan Tengku Puan Muda Nurul Hayati berkenan mengadakan rumah terbuka di Istana Besar Seri Menanti, untuk rakyat ditetapkan pada 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Sementara itu Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Puan Sri Hazizah Tumin mengadakan rumah terbuka di kediamannya no 4, Jalan Taman Tasik Seremban pada pukul 10 pagi hingga 1 petang.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin bersolat Hari Raya bersama-sama lebih 10,000 jemaah di Masjid Negeri Al-Azim di sini.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin, anggota-anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan adalah antara jemaah di masjid itu.

Abu Zahar pula menerima kunjungan orang ramai di majlis rumah terbukanya di kediaman rasmi Seri Bendahara, Bukit Peringgit di sini.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah dan Sultanah serta Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid bersama kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Zahir.

Sultan Kedah turut mengadakan Istana terbuka di Anak Bukit dari pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari sementara Sanusi mengadakan rumah terbuka di

kediaman rasminya di Mentalon dari pukul 11 pagi sehingga 4 petang.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor menunaikan sembahyang Aidilfitri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bersama lebih 16,000 umat Islam.

Selepas sembahyang Baginda Sultan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada rakyat sebelum berangkat ke Istana Bukit Kayangan untuk mengadakan istana terbukanya dari 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Menteri Besar juga mengucapkan Selamat Hari Raya sebelum mengadakan rumah terbukanya di kediaman rasmi beliau di sini dari 11 pagi hingga 5 petang

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin bersolat Hari Raya bersama-sama lebih 10,000 jemaah di Masjid Negeri Al-Azim di sini.

Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin, anggota-anggota Exco dan pegawai kanan kerajaan adalah antara jemaah di masjid itu.

Abu Zahar pula menerima kunjungan orang ramai di majlis rumah terbukanya di kediaman rasmi Seri Bendahara, Bukit Peringgit di sini.

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah dan Sultanah serta Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid bersama kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Zahir.

Sultan Kedah turut mengadakan Istana terbuka di Anak Bukit dari pukul 10 pagi hingga 1 tengah hari sementara Sanusi mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Mentalon dari pukul 11 pagi sehingga 4 petang.

Di SHAH ALAM, Sultan Selangor menunaikan sembahyang Aidilfitri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bersama lebih 16,000 umat Islam.

Selepas sembahyang Baginda Sultan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada rakyat sebelum berangkat ke Istana Bukit Kayangan untuk mengadakan istana terbukanya dari 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Menteri Besar juga mengucapkan Selamat Hari Raya sebelum mengadakan rumah terbukanya di kediaman rasmi beliau di sini dari 11 pagi hingga 5 petang.

-- BERNAMA

Team PR